

Menyimpan Skuter Anda

Jikalau skuter anda disimpan di luar bangunan, anda patut pertimbangkan sama ada perlu menggunakan penutup penuh.

Jikalau anda menjangka tidak akan menggunakan skuter untuk tempoh waktu yang lama, sila ikut garis panduan berikut:

- Bersihkan skuter dan sapukan selapis lilin pada semua permukaan bercat (kecuali permukaan mat). Sapukan permukaan krom dengan pelarut anti-karat.
- Letakkan skuter anda pada tongkat tengah dalam keadaan kedua-dua tayar tidak menyentuh tanah.
- Selepas hujan, tanggalkan penutup supaya skuter dapat dikeringkan.
- Tanggalkan bateri 12 V (🔋 MS. 83) untuk mengelakkan nyahcas. Cas bateri 12 V sepenuhnya dan kemudian letakkannya di kawasan yang teduh dengan pengudaraan yang baik.
 - ▶ Jika anda tinggalkan bateri 12 V pada skuter, sila cabutkan sambungan terminal negatif ⊖ untuk mengelakkan nyahcas.

Jikalau anda menjangka tidak akan menggunakan skuter untuk tempoh waktu yang lama, putarkan suis penghidup ke posisi I (On) untuk memeriksa pengukur untuk bateri sistem hibrid selang tiga bulan sekali.

Sekiranya pengukur untuk bateri sistem hibrid berkelip hanya pada segmen pertama (L) atau pengukur untuk bateri sistem hibrid mati, hidupkan enjin dan cas bateri untuk sistem hibrid sehingga pengukur untuk bateri sistem hibrid berhenti berkelip.

Selepas mengeluarkan skuter daripada simpanan, periksa kesemua butiran seperti yang dinyatakan dalam Jadual Penyelenggaraan.